

09/01/2000

Rumah terbuka PM dapat sambutan luar biasa

Jamhariah Jaafar; Raihanah Abdullah; Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA: Rumah terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat sambutan di luar dugaan walaupun kali ini diadakan di Putrajaya, kira-kira 40 kilometer dari ibu kota.

Kira-kira 50,000 warga kota dan pelancong asing mula membanjiri Sri Perdana seawal jam 10 pagi untuk mengambil peluang melawat pusat pentadbiran baru kerajaan itu selain mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri di Putrajaya buat pertama kali.

Menurut Dr Mahathir, persiapan hanya dibuat untuk kira-kira 30,000 tetamu dan kebanyakan pengunjung yang bersalam dengannya hari ini mengucapkan tahniah berikutan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum baru-baru ini.

"Kemeriahan suasana sambutan dengan berpakaian baru kali ini adalah salah satu petanda bahawa ekonomi dah pulih dan kehadiran mereka di Putrajaya membolehkan mereka menyaksikan sendiri pembangunan di sini.

"Ramai yang memuji rumah ini (kediaman rasmi Perdana Menteri). Tetapi ini bukan rumah saya. Ini rumah mereka (mahligai rakyat)," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Walaupun Perdana Menteri belum menetap secara rasmi di Putrajaya, kebanyakan majlis rasmi kini diadakan di situ dan menurut Dr Mahathir, beliau hanya bermalam di Sri Perdana pada hari tertentu.

Katanya, rumah terbuka di Putrajaya juga memberi peluang kepada rakyat menilai sendiri keperluan projek itu yang disifatkan sesetengah pihak sebagai membazir dan wajar dilelong.

Julai lalu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor membuat kenyataan bahawa kerajaan Pas akan melelong Putrajaya, yang disifatkan sebagai membazir, jika parti itu memenangi pilihan raya umum ke-10.

Menurut Dr Mahathir, sikap seumpama itu akan membawa kesan serius kerana rakyat dipengaruhi supaya tidak bersyukur dengan pembangunan yang dibawa kerajaan dan diajar tidak bersyukur dengan apa yang dikecapi sekarang.

"Hendak bersyukur atau tidak adalah hak masing-masing tetapi jika masyarakat tidak bersyukur, negara tidak akan aman atau stabil dan tiada siapa akan membantu mereka yang tidak bersyukur," katanya.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya mengenai projek usaha sama antara Citroen dan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Dr Mahathir berkata kedua-dua pihak masih mengadakan rundingan mengenainya.

"Kerjasama perlu menguntungkan kedua-dua pihak dan kerana itu, perbincangan mengambil masa. Kita nak kereta yang boleh laris dijual. Kereta yang terdahulu tidak begitu laris," katanya.

Baru-baru ini, Citroen dikatakan bercadang menarik balik pelaburan dalam projeknya bersama Proton, berikutan kelewatan mengeluarkan kereta kedua program berkenaan.

Projek yang bermula dengan pengeluaran Proton Tiara pada 1996, sepatutnya menyaksikan pelancaran kereta keduanya yang berasaskan teknologi Citroen Saxo pada awal tahun lalu, tetapi ditangguhkan.

Citroen menjalin perkongsian strategiknya dengan Proton pada 1996 untuk mengeluarkan Tiara, diikuti perjanjian persefahaman pada 1997, bagi model terbaru kereta nasional berasaskan teknologi Citroen Saxo.

Model berkuasakan 1,114 cc itu, sepatutnya dipasang di kemudahan pengeluaran di Pekan, Pahang, milik Automative Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom, iaitu syarikat induk Proton.

(END)

